



SEPTEMBER 2018

CANANG

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



JALAN KEBANGSAAN, Sabtu, 1 September 2018 – Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao Ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Phonetavy Boutdara telah membuat kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, di Pejabat Menteri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 September 2018 – Riadah Berbasikal Hari Belia Kebangsaan (HBK) 2018 membuktikan bukan hanya sekadar aktiviti kesihatan diri, malah mampu menyatupadukan perpaduan daripada segenap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini. Keberangkatan tiba Kebawah DYMM berserta kerabat diraja yang lain bersama-sama berkenan turun padang dalam memeriahkan riadah berkenaan. Acara tersebut turut disertai oleh Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, para jemputan, para belia dan orang ramai termasuk warga asing. Lebih daripada 35 aktiviti menarik diadakan mengikut zon-zon yang disediakan, iaitu Zon Kreativiti, Zon Sukan dan Zon Kanak-Kanak. Riadah berbasikal ini merupakan salah satu acara sampingan bagi memeriahkan lagi Sambutan HBK Kali Ke-13 yang disambut pada 1 Ogos 2018 lalu.





BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin 3 September 2018 – Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menerima kunjungan hormat daripada Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO Negeri Perak Darul Ridzuan, Yang Berbahagia Encik Hassanul Zulkarnain Bin Abd Munaim (mewakili Yang Amat Berbahagia Menteri Besar Perak Darul Ridzuan); Ketua Setiausaha, Kementerian Belia dan Sukan, Yang Berbahagia Dato' Lokman Hakim bin Ali (mewakili Yang Berbahagia Menteri Belia dan Sukan Malaysia) dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Gazali bin Jalal beserta rombongan delegasi penganjur Sukan Malaysia (SUKMA XIX Perak 2018). Pada majlis ini, kedua-dua buah negara bertukar-tukar maklumat mengenai persediaan Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA XIX Perak 2018) yang dijadualkan pada 11 – 22 September 2018 di Negeri Perak Darul Ridzuan.

TUTONG, Selasa, 4 September 2018- Majlis penyampaian bantuan kewangan kerajaan kepada 280 mangsa banjir diadakan di Dewan Serbaguna Serbangun, Tutong. Bantuan kerajaan yang dihulurkan itu diharap sedikit sebanyak akan dapat membantu meringankan kesusahan yang dialami oleh para mangsa dan keluarga mereka untuk meneruskan kehidupan seperti sedia kala. Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kerajaan kepada mangsa-mangsa tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.



JERUDONG, Jumaat, 7 September 2018 - Pasukan Kelab Bola Sepak Brunei DPMM FC mengadakan Majlis Sambutan Sempena Hari Raya Aidiladha 1439 Hijrah / 2018 Masihi yang berlangsung di Terindak D'Polo Club. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyempurnakan penyampaian sumbangan dan cenderahati daripada kelab berkenaan, kepada 80 anak-anak yatim dan asnaf fakir miskin yang terpilih di Daerah Brunei dan Muara. Juga hadir, Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Lim Hong Huai, pegawai dan pemain Pasukan Bola Sepak Brunei DPMM FC dan para jemputan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 September 2018 - Acara 'Moms, Babies and Kids (MBK) Fair' anjuran Rock Solid Event Management and Marketing Services dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) berlangsung di Seri Qlap Mall telah mendapat sambutan meriah dari para pengunjung. Acara bertujuan untuk memberi kesedaran melalui platform pembelajaran bagi ibu bapa khususnya anak-anak sekaligus menyediakan aktiviti-aktiviti khas bagi ibu bapa dan anak-anak. Antaranya ialah peraduan mewarna dan kenali negara kita.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 September 2018 – Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada kontinjen negara ke Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-19 berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Hadir menyempurnakan penyerahan bendera tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin kepada Ketua Pegawai Belia dan Sukan selaku Chef de Mission Kontinjen Negara, Dayang Hajah Noor Maslina binti Haji Sulaiman. Yang Berhormat berharap atlet-atlet memiliki disiplin yang tinggi dan semangat kesukanan yang jitu, demi untuk menjaga nama baik dan imej Negara Brunei Darussalam dalam meraih kemenangan yang diharapkan. Turut hadir, Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil; Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan dan Penilaian Atlet dan pegawai-pegawai kanan KKBS serta para ibu bapa dan penjaga.



BANDAR SERI BEGAWAN, 9 Sept 2018 – Majlis Penutup Projek Fasa Ke-2 *Green Xchange 10* anjuran Society for Community Outreach and Training (SCOT) berlangsung di Masjid Al-Muhtadee Billah, Sungai Kebun. Tahun ini, SCOT memperkenalkan satu konsep tambahan yang dinamakan '*GX Recycling Drive*' yang mana melibatkan penduduk awam untuk menderma barang-barang kitaran semula dan hasil jualan barangannya disalurkan untuk projek amal SCOT. SCOT berjaya mengumpul sekitar tiga tan (3,000 kilogram) barang-barang kitar semula dan hasil daripadanya akan didermakan kepada komuniti yang kurang berkemampuan di Negara Brunei Darussalam.



BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Sept 2018 – Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, hadir menyempurnakan Majlis Penutup Program Bas Belia dengan penyampaian sijil penyertaan kepada 39 orang belia terdiri daripada 27 lelaki dan 12 perempuan yang berlangsung di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Program ini adalah program anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama Jabatan Daerah di keempat-empat daerah. Ini adalah yang julung kalinya diadakan selama tujuh hari bermula pada 8 hingga 14 September. Objektif program berkenaan adalah untuk mendidik dan meningkatkan diri ke arah perkembangan, kepimpinan, daya usaha dan persefahaman di samping menanam semangat dalam diri dan pendedahan ke arah berkhidmat kepada masyarakat serta untuk mengenali





GADONG, Jumaat, 14 September 2018 –Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan Majlis Perasmian Sidang Ke-24 MASTERA Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara (SAKAT) dan Penyampaian ASM 2018 di Hotel Antarabangsa Rizqun ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Seramai empat tokoh Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) dari empat negara, iaitu Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura menerima Anugerah Sastera Mastera (ASM) 2018. Mereka terdiri daripada Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (Adi Rumi) dari Brunei Darussalam; Goenawan Susatyo Mohamad (Goenawan Mohamad) dari Indonesia; Sasterawan Negara Dato' Dr. Ahmad Khamal bin Abdullah (Kemala) dari Malaysia dan Encik Isa Kamari (Isa Kamari) dari Singapura. Ia merupakan persidangan eksekutif mengesahkan projek-projek permasyarakatan, penelitian, penerbitan, penterjemahan, hadiah dan pengiktirafan sastera yang telah dirancang dan diusul dalam Mesyuarat Sekretariat MASTERA 2018 dan tindakan lanjut persidangan sebelumnya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 September 2018 - Majlis Sambutan Awal Tahun Baharu Hijrah 1440 bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya diadakan di Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa yang dibacakan oleh Penyelia dan Penterjemah Bahasa Arab, PSB, Dr. Awang Haji Kadir bin Mohammad, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan tafsirannya yang masing-masing dibacakan oleh pelajar-pelajar dari Pusat Pembangunan Belia, iaitu Awang Md. Aminuddin bin Haji Salleh dan Awang Malik bin Haji Juang. Majlis juga sempat menjemput Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ajak untuk menyampaikan satu ceramah khas bertajuk "Ilmu dan Amal Nadi Wawasan Negara". Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengetua PSB, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar.



BERAKAS, Sabtu, 15 September 2015 - Pasukan Wushu yang terdiri seramai tujuh orang pegawai dan atlet telah kembali ke Negara Brunei Darussalam selepas bersaing di Sukan Malaysia (SUKMA) XIX, Perak 2018. Atlet sukan Wushu negara, Mohammad Adi Salihin bin Roslan berjaya memenangi pingat perak pertama negara dalam acara Nanquan Lelaki dengan mengutip 9.50 mata. Berada di Ruang Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara dan seterusnya mengalungkan sesandang serta memberikan ucapan tahniah ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. kanan KKBS.





JERUDONG, Ahad, 16 September 2018 - Acara Masakan Kedayan 2018 berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong. Hadir selaku tetamu kehormat, Yang Berhormat menjelaskan, acara Masakan Kedayan 2018 adalah satu contoh komitmen Persatuan PEMEDAYAN bagi memupuk semangat kesatuan puak Kedayan, yang merupakan salah satu tunggak identiti Negara Brunei Darussalam yang kita banggakan, pemakanan Kedayan seumpama ini setentunya juga akan dapat menjaga dan mengekalkan aspek lain seperti pertuturan dan bahasa. Sementara itu Yang Di-Pertua PEMEDAYAN, Awang Haji Zainal Abidin bin Tinggal menjelaskan, masakan merupakan salah satu 'Intangible Culture Heritage' yang diperakui oleh UNESCO.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 September 2018 - Atlet Taekwondo Negara Brunei Darussalam telah berjaya meraih satu pingat gangsa bagi acara Poomsae Campuran di Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XIX, Perak 2018. Kejayaan pingat gangsa tersebut dimenangi oleh pasangan adik beradik, Hyde Nachman bin Hijium dan Hyde Nathania binti Hijium. Ketibaan mereka di Ruang Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei disambut oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Sejurus ketibaan para kontinjen, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kemudian mengalungkan sesandang kepada para pemenang pingat gangsa serta memberikan ucapan tahniah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 September 2018 - Untuk menyebarkan imej stereotaip negatif yang dikaitkan dengan autisme serta untuk lebih memahami keperluan dan perspektif para Individu Dengan Autisme (Individuals With Autism-IWA), sebuah pementasan muzikal bertajuk "*Looking Through The Autism Wonderland*" telah diadakan di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Adalah diharapkan melalui muzikal tersebut para penonton akan menyaksikan keupayaan IWA untuk bersosial dan berkomunikasi dengan cara mereka sendiri tanpa memaparkan tingkah laku yang negative, dan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai autisme dan mengumpul dana bagi SMARTER Brunei untuk memastikan kesinambungan mereka.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 September 2018 - Ketibaan sembilan orang pegawai dan atlet Pasukan Karatedo Negara Brunei Darussalam di Ruang Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei telah disambut oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Atlet sukan berjaya meraih dua pingat gangsa bagi acara Kata Perseorangan Wanita dan acara Kumite Wanita Perseorangan 45kg di Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XIX, Perak 2018. Kejayaan pingat gangsa tersebut masing-masing telah dimenangi oleh Dayang Rodhyatul Adhwanna binti Bakar dan Dayang Amirah Syahidah binti Abdul Rahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Sept 2018 – Lebih 500 orang menyemarakkan acara 'Hari Keluarga Kebangsaan 2018' yang bertemakan 'Keluargaku Harapanku' anjuran CCC BSB dengan Cityneon Displays dan Construction Sdn Bhd, yang diadakan di Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara. Hari keluarga memainkan peranan yang penting dan turut diberikan perhatian oleh setiap warga dan bangsa-bangsa yang berbeza dan ia adalah sangat mengembirakan kerana sehingga hari ini, Hari Keluarga telahpun disambut dan sering kali dilaratkan dengan pelbagai aktiviti yang diadakan'. Turut hadir di acara pagi tadi itu ialah ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Ong Tiong Oh, Yang Dimuliakan Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin, Presiden Dewan Perniagaan Cina Bandar Seri Begawan (CCC BSB), Malcolm Lim Tiong Han dan anggota persatuan yang lainnya.



BANDAR SERI BEGAWAN, 25 September 2018 – Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin telah menerima kunjungan hormat daripada Timbalan Mufti Persekutuan Rusia, Rushan Abbyasov dengan diiringi oleh Duta Besar Persekutuan Rusia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Vladlen Stanislavovich Semivolos dan delegasi di Bilik Kunjungan Hormat, bangunan kementerian berkenaan. Kunjungan hormat tersebut bertujuan bagi mengeratkan lagi hubungan yang sedia ada di antara Negara Brunei Darussalam dan Rusia, di samping berkongsi pengalaman dalam perkara yang menjadi kepentingan bersama serta meneroka peluang kerjasama antara kedua-dua buah negara dalam bidang yang berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 September 2018 – Majlis Pelancaran Pameran Tradisi Islam di Rusia (Traditions of Islam in Russia) berlangsung di Bangunan Galeri Seni, Dermaga Diraja dan dibuka kepada para pengunjung terutama sekali kepada masyarakat di negara ini untuk mengetahui lebih dekat lagi mengenai sejarah perkembangan Islam di Rusia yang diadakan selama dua bulan. Pelancaran pameran berkenaan disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman. Pameran itu bukan sahaja mengenai masjid malah mengenai budaya, masyarakat dan tradisi Islam di negaranya.





BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 September 2018 –Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1440H/2018M Peringkat Akhir berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Seramai 86 penyertaan dari keempat-empat daerah diterima dan daripada jumlah tersebut, seramai 10 peserta, iaitu 5 qari dan 5 qariah terpilih di peringkat Separuh Akhir. Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan merupakan program anjuran KKBS yang mula dilaksanakan sejak dari tahun 1980-an dan berjaya melahirkan banyak qari dan qariah belia yang berkaliber dan seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi. Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan pegawai-pegawai kanan KKBS.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 September 2018 - Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Para Asia Ke-3, Indonesia 2018, berlangsung di Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Sukan Para Asia merupakan sukan untuk Atlet Kurang Upaya yang terbesar di peringkat Asia, yang mana kejohanan ini sebelumnya dikenali sebagai Far East South Asia Pasific Games (FESPIC Games), di mana Negara Brunei Darussalam pertama kali mengikuti kejohanan berkenaan pada tahun 1986, iaitu di 4th FESPIC Games, Indonesia. Negara Brunei Darussalam akan menyertai sebanyak dua acara sukan, iaitu Olahraga dan Tenpin Bowling pada Sukan Para Asia Ke-3 yang akan diadakan di Indonesia bermula pada 6 hingga 13 Oktober 2018. Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam diserahkan kepada Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam Awang Haji Rosmadee bin Haji Md. Daud.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 September 2018 – Rancangan Realiti 'Akulah Juara' merupakan pertandingan nyanyian bagi mencari bakat-bakat baharu berumur di antara 17 hingga 35 tahun. Peringkat Akhir rancangan realiti anjuran Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei (RTB) berlangsung di Jerudong Park Amphitheatre. Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil penyertaan kepada para pemenang ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Juara, Auf Ismail membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak BND3,000.00, sijil penyertaan, trofi berserta hadiah sampingan.

TUTONG, Ahad, 30 September 2018 - Program Riadah Ria 2.0 yang diungkuaykan oleh Belia Ibadurrahman dengan sokongan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong. Menurut Ketua Belia, Awang Muhammad Firas Ibrahim bin Ibrahim @ Kalong selaku Pengerusi program tersebut menjelaskan, program berkenaan bermanfaat untuk menjadikan masjid bukan sahaja tempat untuk beribadat namun menjadi pusat kegiatan sosial sebagaimana peranan masjid di dalam sejarah Islam yang mana ia menjadi pusat kehidupan masyarakat muslim. Antara tujuan Program Riadah Ria 2.0 juga adalah untuk menyedari akan kelebihan Solat Subuh berjemaah yang merupakan kunci kejayaan dan benteng keselamatan daripada anasir-anasir yang tidak baik. Riadah bermula dengan sesi senamrobik dan walkaton yang bermula dan berakhir di masjid berkenaan.



Sumber Berita: Pelita Brunei dan Media Permata

Tim Penerbitan : Unit Perhubungan Awam, KKBS

Perwajahan dan Aturgambar: Unit Perhubungan Awam, KKBS

Jurufoto: Hajah Ajjah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.